

Garis panduan baharu pasar malam kuat kuasa 2021

BH ONLINE | Isnin, 23 September 2019 | 8:26pm



Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin. - NSTP/Hafiz Sohaimi

KUALA LUMPUR: Peniaga pasar malam yang gagal mematuhi garis panduan baharu pasar malam akan menghadapi penggantungan lesen selama sebulan apabila peraturan itu dikuatkuasakan sepenuhnya pada 2021.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata garis panduan itu akan terpakai di semua pasar malam serta pasar tani dan pasar harian di seluruh negara.

Beliau berkata, langkah itu dilaksanakan bagi menyeragamkan sistem pengurusan di tapak niaga berkenaan, membabitkan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan persatuan peniaga.

“Ia dilaksana bagi membolehkan pasar malam menjadi lebih terurus, ceria, bersih dari sebarang sampah sarap serta selamat. Sebelum ini garis panduan pasar tani, pasar malam dan pasar harian, memang ada undang-undang kecil dia, tetapi ia tidak diselaraskan.

“Setiap PBT lain dan berbeza-beza dan kita lihat keperluan untuk penyeragaman,” katanya pada sidang media selepas merasmikan garis panduan pasar malam di tapak Pasar Malam Keramat Permai, Ampang, petang tadi.

Zuraida berkata, kementeriannya akan meneruskan siri pertemuan dan perbincangan dengan semua PBT di setiap negeri bagi melihat keupayaan mereka dalam melaksana garis panduan baharu itu.

Beliau berkata, perkara utama dalam garis panduan baharu itu ialah susun atur gerai, pencahayaan menggunakan lampu diod pemancar cahaya (LED), sistem bekalan elektrik dan air serta pengurusan sampah.

“Ketika ini kita baru buat garis panduan, belum buat penguatkuasaan. Sekarang boleh buat ikut kemampuan PBT. Kita akan masukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kalau rancang penguatkuasaan pada 2021,” katanya.